
MOHAMED RAZIF MOHAMAD SIDEK




Razif Sidek (lahir 29 Mei 1962 di Banting, Selangor) merupakan anak ketiga Haji Sidek dan merupakan anak kedua yang bermain badminton. Beliau sering bermain secara beregu dengan adik lelakinya, Jalani. Razif dan Jalani memenangi gelaran Kejohanan Seluruh England pada 1982 selepas menumpaskan pasangan Scotland, Billy Gilliland dan Dan Travers.

Beliau juga merupakan anggota skuad Malaysia yang memenangi Piala Thomas buat kali pertama dalam 25 tahun, dengan kemenangan 3-2 ke atas Indonesia di Stadium Negara pada 1992. Beliau melakar sejarah menjadi atlet Malaysia pertama memenangi pingat Sukan Olimpik pada temasya Barcelona 1992. Mereka merangkul pingat gangsa buat Malaysia setelah mencapai separuh akhir kategori beregu lelaki selepas tewas kepada pasangan Korea, Park Joo-bong dan Kim Moon-Soo. Semasa perjalanan kariernya dengan Jalani, mereka merupakan antara empat beregu terbaik di dunia (Park Joo-bong/Kim Moon-soo, Rudy Gunawan/Eddy Hartono dan Tian Bingyi/Li Yongbo) dari era 1980-an hingga awal 1990-an. Selepas bersara sebagai pemain badminton, beliau dilantik sebagai jurulatih kebangsaan Malaysia dari 1994 hingga 1996.

Zaman Kanak-Kanak

Razif merupakan anak kesayangan kepada Haji Sidek. Penampilan razif yang putih ,gebu dan manja terutama sekali dengan Haji sidek yang sentiasa membawa Razif kemana-mana sahaja menjadikan Razif begitu istimewa di mata Haji Sidek berbanding yang lain. Razif juga dikenali dengan panggilan Mok. Gelaran tersebut kekal sehingga kini. Kehidupan razif yang tidak membantah kata-kata bapaknya dan sering mengadu menyebabkan adik beradiknya kurang mengemari sikapnya terutamanya Misbun yang sering bergaduh dengan razif. Kesungguhan dan displin yang ditunjukkan oleh Razif dalam sukan badminton ketika zaman kanak-kanak menjadi kebanggaan Haji Sidek, mampu mengalahkan pemain yang lebih usia daripadanya dan kemuncak kegemilangan apabila Razif diterima menyambung pelajaran di Victoria Institution, Kuala Lumpur disebabkan bakat beliau dalam sukan badminton.



Razif dan teman-teman rapat beliau pada tahun 1976

PENCAPAIAN

1982
Juara All England Open



1983 - 1984
Juara Kanada Open



1982
Juara Japanese Open

1986, 1988-1989, 1991
Juara Final IBF Grand Prix

1988 - 1990
Juara Indonesia Open

1992
JUARA PIALA THOMAS



1989 - 1991
Juara SEA Games

1990
Juara Commonwealth Games

1990 - 1992
Juara Asian Badminton Championships (Kejuaraan Asia

1992
Medali Perunggu Olimpiade